



MENCARI IDENTITI  
**BINTANG  
MALAP  
DI BULAN  
GERHANA**



95

**MAHMOOD ZUHDI AB MAJID**



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



MENCARI IDENTITI  
**BINTANG  
MALAP DI  
BULAN  
GERHANA**

MAHMOOD ZUHDI AB MAJID

FUSTARA PERDANA



1013907

**ILHAM BOOKS**  
Kuala Lumpur  
2025



**MENCARI IDENTITI:  
BINTANG MALAP DI BULAN GERHANA**


Hak Cipta Terpelihara @ Mahmood Zuhdi Ab Majid, 2025  
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2025

Terbitan Pertama, 2025

ILHAM BOOKS (002683798-H)  
No. 94, Jalan Nilai Square 3  
Nilai Square, 71800 Nilai  
Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: [www.facebook.com/ilhambooks](http://www.facebook.com/ilhambooks)  
Email: [admin@ilhambooks.com](mailto:admin@ilhambooks.com)  
Website: [www.ilhambooks.com](http://www.ilhambooks.com)  
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

	Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
	Perpustakaan Negara Malaysia
	Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia
	ISBN 978-967-0067-19-3

Editor: Hanis Sofiya  
Pruf: Alif Fitri  
Atur huruf: Hanis Sofiya  
Reka kulit: Sa'adah Shahnom  
Jualan & Pemasaran: Amin Iskandar & Aqilah Syazwina

Dicetak oleh: Percetakan Mesbah Sdn. Bhd. (819193-K)  
No. 11, Jalan Tun Perak 6,  
Taman Tun Perak,  
43200 Cheras, Selangor

# KANDUNGAN

<b>DARI LUBUK HATI</b>	vii
<b>DARI LANGIT KAMI BERTEDUH</b>	ix
<b>NOTA PENERBIT</b>	xi
<b>Bab 1</b> Latar Belakang	15
<b>Bab 2</b> Pendedahan Awal	57
<b>Bab 3</b> Pilihan Raya Tahun 1959 dan Penggulingan Kerajaan Secara Tidak Demokratik	95
<b>Bab 4</b> Politik Kafir-Mengkafir dan Tangkap-Menangkap	133
<b>Bab 5</b> Peristiwa 13 Mei dan Penubuhan Barisan Nasional	169
<b>Bab 6</b> Dalam Madu Pun Ada Racun	203
<b>IN MEMORIAM</b>	251

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi merupakan seorang ilmuwan Islam ulung tempatan di zaman ini yang memperjuangkan fiqh Malaysia yang mengambil kira realiti tempatan yang pragmatik dan juga futuristik yang kadang-kadang sukar bagi masyarakat menerimanya kerana beliau berfikir melangkaui zaman. Beliau sangat memahamai ragam kepelbagaian masyarakat dari segi agama, etnik dan budaya. Beliau mengambil pendekatan *maqasidi*, melihat kepada objektif atau tujuan di sebalik sesuatu hukum berbanding golongan *syakli* yang melihat kepada bentuk, format dan rupa bentuk. Prof. Mahmood Zuhdi juga menekankan kepentingan pembaharuan (tajdid) dalam undang-undang Syariah untuk memastikan hukum Islam relevan dengan keperluan masyarakat semasa. Beliau menegaskan bahawa ijtihad perlu terus diamalkan bagi menyelesaikan isu-isu kontemporari. Pendekatan wasatiyah turut ditekankan oleh beliau bagi menolak ekstremisme, memastikan hukum Islam yang bersifat lokal sesuai dengan uruf tempatan lebih-lebih lagi dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia.

**Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil**  
Ketua Pengarah, IKIM

## DARI LUBUK HATI

Syukur *alhamdulillah* sesudah hampir dua tahun dari pemergian Sallahyarham Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi, maka buku berjudul *Bintang Malam di Bulan Gerhana* hasil dari tulisan beliau dapat juga siap dan diterbitkan. Buku ini merupakan siri terakhir dari beberapa siri buku *Mencari Identiti* yang sudah diterbitkan sebelum ini. Bermula dengan buku *Budak Surau*, kemudiannya *Budak Nilam Puri* disusuli dengan buku *Bertandang ke Bumi Firaun* dan seterusnya *Perjuangan Tanpa Noktah*. Kesemua buku-buku yang sudah diterbitkan ini ditulis semasa beliau masih sihat. Namun buku terakhir ini, *Bintang Malam di Bulan Gerhana* sebahagiannya ditulis dalam keadaan beliau sangat lemah kerana sedang sakit. Beliau pernah menyatakan kerisauannya jika buku yang sedang beliau tulis ini tidak dapat disiapkan. Namun berkat kegigihan dan kesungguhannya menulis walau dalam keadaan yang lemah dan tidak memuaskan dari segi fizikal dan mentalnya beliau berjaya menyiapkannya dan hari ini berjaya diterbitkan. *Alhamdulillah*.

Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembacanya terutama kepada mereka yang meminati pemikiran allahyarham Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi. *Wallahu 'alam bi al-Sawab*.

**DATIN DR. PAIZAH ISMAIL**



## DARI LANGIT KAMI BERTEDUH

Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bukan sekadar seorang ilmuwan, beliau merupakan seorang pemikir unggul - seorang dalam sejuta dalam satu generasi. Ketegasan beliau dalam memperjuangkan ilmu menjadikan beliau dihormati oleh rakan seperjuangan serta disegani oleh anak-anak murid. Beliau dikenali sebagai seorang yang berprinsip, garang, lantang bersuara, berani melontarkan idea baru, dan tidak pernah goyah meskipun melawan arus.

Namun di sebalik ketegasan perjuangan, beliau mempunyai sisi berbeza di rumah. Sebagai suami dan ayah, beliau dikenang sebagai seorang yang penyayang, sabar dan bertoleransi dalam mengemudi rumah tangga. Walaupun dalam sifat bertolak ansur, beliau tidak pernah mengetepikan prinsip hidup yang menjadi tunjang peribadinya.

Beliau juga tidak pernah memaksa anak-anak untuk mengikut jejak langkahnya dalam bidang pengajian Islam. Sebaliknya, beliau menghormati minat dan kecenderungan masing-masing, dengan syarat ianya tidak bercanggah dengan nilai dan ajaran Islam. Pesanan beliau kepada anak-anak kekal tersemat hingga kini iaitu, *"...dalam apa jua yang dilakukan, jagalah tiga perkara: aqidah, syariah, dan akhlak. Jadilah seorang beraqidah, sentiasa melaksanakan syariah-Nya dan berakhlak mulia."*

Inilah Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi yang kami sekeluarga kenali dan kasihi. Antara seorang tokoh yang scimbang antara idealisme perjuangan dan kerharmonian rumah tangga, antara ketegasan intelektual dan kelembutan seorang insan, antara keteguhan prinsip dan toleransi keccenderungan. Kami sekeluarga berharap agar legasi beliau terus hidup, bukan hanya melalui karya



dan institusi, tetapi juga dalam hati mereka yang pernah disentuh oleh ilmunya, sama ada sebagai anak murid, rakan akademik atau anggota masyarakat yang mendengar suaranya.

**AHMAD NAJI BIN MAHMOOD ZUHDI**  
**AHMAD SYADI BIN MAHMOOD ZUHDI**  
**AHMAD WAFI BIN MAHMOOD ZUHDI**

## NOTA PENERBIT

Siri autobiografi *Mencari Identiti* oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj Ab Majib (atau lebih mesra dipanggil Tok Mud) yang pada mulanya dirancang akan mempunyai tujuh jilid akhirnya terpaksa dinoktahkan sehingga jilid kelima sahaja apabila allahyarham menghembuskan nafasnyanya terakhir pada 10.20 malam 17 Jun 2023.

Proses penerbitan buku ini bermula pada pertengahan Januari 2020 apabila Tok Mud mencari-cari penerbit untuk menerbitkan autobiografinya yang dirancang diterbitkan secara bersiri. Ketika itu beliau dalam proses akhir menyiapkan jilid pertama *Budak Surau*.

Atas rekomendasi adindanya allahyarham Prof. Madya Dr. Mohamad Kamil Ab Majid yang mencadangkan ILHAM Books, kami membuat temujanji pertama pada 30 Januari 2020 di pejabatnya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Terlebih dahulu, Dr. Kamil yang terlebih dahulu menerbitkan *Memoir 70 Tahun Kamil Ab Majid* bersama kami yang diterbitkan pada April 2019.

Sebelum pertemuan pertama tersebut, saya membuat sedikit kajian dan bertanyakan anak-anak murid beliau tentang perwatakan beliau supaya pertemuan itu berjalan lancar. Ramai yang memberi nasihat supaya berhati-hati kerana perwatakan Tok Mud yang sangat tegas dan garang. Kami membuat persiapan sebaiknya dan mencari bahan-bahan untuk 'bbual' dengan Tok Mud.

*Alhamdulillah*, pertemuan pertama tersebut berjalan lancar dan kami mula serasi memulakan 'pengembaraan' bersama-sama sebagai penulis-penerbit dalam menyiapkan projek besar tujuh jilid autobiografi *Mencari Identiti* yang dijangka memakan masa beberapa tahun untuk disiapkan.

Perancangannya adalah setahun sekurang-kurangnya satu jilid perlu disiapkan. *Budak Surau* jilid pertama diterbitkan April 2020, jilid kedua *Budak Nilam Puri* (2021), jilid ketiga *Bertandang ke Bumi Firaun* (2022) dan jilid keempat *Perjuangan Tanpa Noktah* (2023).

Sela waktu tersebut kami menerbitkan buku *Nilam Puri: Antara Persepsi Dan Pencapaian* (2021), sebuah himpunan memoir yang ditulis beberapa alumni Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) yang diketuai oleh Tok Mud sendiri.

Buku yang ada di tangan anda ini pula merupakan manuskrip jilid kelima *Bintang Malap Di Bulan Gerhana* yang sempat disiapkan oleh Tok Mud sebelum beliau meninggal dunia. Walau bagaimanapun, manuskrip ini pada pengakhirannya seolah-olah tergantung. Setelah berbincang dengan pihak keluarga, kami membuat keputusan tidak membuat sebarang penambahan dan membiarkannya tergantung dan terserah kepada pembaca untuk membuat tafsiran.

Jilid keenam mengikut perancangan berjudul *Lebai Moden Di Menara Gading* dan jilid terakhir berjudul *Maka Saya Ini Siapa* untuk melengkapkan 'puzzle' dan persoalan "mencari identiti" yang dimaksudkannya dalam siri autobiografi ini.

Sesuatu yang menarik tentang *Mencari Identiti*, Tok Mud bergantung sepenuhnya memori beliau untuk menulis siri autobiografi ini tanpa sebarang diari yang ditulis sejak kecil atau zaman mudanya.

Menurut anak-anak muridnya, Tok Mud sememangnya dikenali sebagai seorang yang mempunyai ingatan yang kuat dan mampu 'recall' peristiwa-peristiwa lama dengan begitu penuh rinci sekali. Meskipun begitu, beliau tetap membuat rujukan dengan dokumen-dokumen dan buku-buku berkaitan dalam menyiapkan siri autobiografi ini.

Pernah kami mempertikaikan satu tarikh untuk satu peristiwa yang bercanggah dengan satu buku rujukan lain, Tok Mud tetap mempertahankannya. Beliau berhujah tarikh beliau adalah tepat kerana beliau terlibat secara langsung.

Walau bagaimanapun beliau terbuka dan menyerahkan kepada penerbit untuk memuktamadkannya. Sebagai jalan tengah, kami mengolah ayat perenggan tersebut supaya tidak perlu meletakkan mana-mana kedua-dua tarikh yang khilaf tersebut. Tok Mud bersetuju dan tersenyum dengan cadangan penyelesaian tersebut.

Dalam satu peristiwa yang tidak dilupakan juga ialah setelah siap jilid pertama *Budak Surau*, beliau menelefon dan memarahi perbuatan penyunting kami yang menukar satu perkataan dan menggantikan dengan perkataan lain. Menurutnya perbuatan editor tersebut adalah salah dan membawa maksud yang lain berbanding maksud sebenar yang dimaksudkannya.

Meskipun Tok Mud amat menghormati kerja-kerja kami sebagai penerbit, beliau memberikan kritikan tajam kepada dunia penerbitan terutamanya dalam bidang suntingan. Menurut beliau, seorang penyunting yang baik selain mempunyai ilmu pengetahuan mendalam dalam soal bahasa dan ilmu penyuntingan, juga perlu menghormati gaya penulisan seseorang penulis yang menurut beliau itu adalah identiti penulis.

Beliau bersurah panjang tentang sebuah buku tulisan beliau yang diterbitkan di sebuah rumah penerbitan lain, yang menurutnya penyunting tersebut memandai-mandai menyunting tulisannya tanpa merujuk terlebih dahulu kepadanya sehingga hilang ruh sebenar buku tersebut lalu menyebabkan beliau tawar hati untuk mempromosikan buku tersebut kepada kenalan dan orang ramai.

Kritikan dan nasihat yang tajam ini menginsafkan kami dan sejak itu kami sangat berhati-hati dalam menyunting siri autobiografi berikutnya serta buku-buku lain bawah kendalian kami.

Meskipun kami sangat ralat tidak sempat menyiapkan *Memari Identiti* sehingga jilid terakhir seperti perancangan awal, kami amat redha akan pemergian Tok Mud yang pergi menemui Penciptanya kerana itulah sebaik-baik pertemuan.

Dalam kesempatan ini, kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh semua yang terlibat dalam merealisasikan siri autobiografi ini sehingga jilid kelima terutama

kepada keluarga allahyarham Tok Mud; Datin Dr Paizah Hj Ismail, Dr Ahmad Naji, Dr Ahmad Syadi dan Dr Ahmad Wafi atas keizinan kepada kami untuk menerbitkan jilid kelima ini serta sebuah lagi manuskrip ilmiah yang sempat disiapkan oleh allahyarham. Manuskrip ini dalam proses terakhir dan dijangka akan menjadi *magnum opus* amal jariah allahyarham InshaAllah.

Kami mengalu-alukan sebarang maklum balas dan berharap anda terus bersama kami dalam meneroka dan menghargai karya-karya bermakna seterusnya.

Selamat membaca dan salam hormat daripada kami.

**ILHAM Books**

5 Mei 2025

## Bab 1

# LATAR BELAKANG

### Pendahuluan

Sejak dari zaman sebelum Masihi lagi, bumi yang kita pijak dan langit yang kita junjung ini adalah sebahagian daripada apa yang dikenali sebagai “Gugusan Kepulauan Melayu” atau “Nusantara”. Nenek moyang kita yang menduduki kawasan ini dahulu telah memiliki peradaban sendiri yang bermutu tinggi dalam berbagai bidang, baik dari segi keilmuan, pertanian, pelayaran dan sebagainya. Malah telah pun mempunyai sistem pemerintahan sendiri yang berasaskan kepada kaedah dan tatacara tertentu, yang kemudiannya berkembang maju dari masa ke masa mengikut peredaran zaman.

Ketika awal tarikh Masihi, Nusantara dipengaruhi oleh beberapa kerajaan Buddha dan Hindu melalui para pedagang dari luar. Mengikut riwayat, kerajaan Hindu pertama yang dikenali sebagai “Jawa Dwipa” telah berjaya ditubuhkan oleh mereka di Jawa pada 200 tahun sebelum Masihi.

Pada kurun ketujuh hingga kurun ke-14, terdapat dua kerajaan besar di kepulauan ini iaitu kerajaan Srivijaya dan kerajaan Majapahit. Kerajaan Srivijaya merupakan kerajaan pertama yang berjaya menyatukan Nusantara dan membentuk acuan budayanya sendiri. Hal ini diikuti dengan kerajaan Majapahit dari Jawa. Pengaruh Hindu ini kemudiannya bertahap sehingga abad ke-14 apabila Islam mula menyasuki Nusantara menerusi Sumatera, terutama apabila pemerintah Pasai memeluk agama berkenaan. Selepas itu, proses penyebaran Islam seterusnya dilakukan



oleh kerajaan-kerajaan Islam Nusantara melalui perkahwinan, perdagangan tempatan dan peperangan.

Pada kurun ke-14, Kesultanan Melaka berkembang menjadi pusat penyebaran Islam di Nusantara menggantikan Pasai. Setelah kejatuhan Melaka, tugas tersebut telah diambil alih oleh Kesultanan Aceh di Sumatera. Pada lewat kurun ke-15, hampir keseluruhan Nusantara sudah memeluk Islam kecuali di pulau Bali, Filipina dan beberapa kawasan di Borneo, Sulawesi dan Jawa Timur.

Sehinggalah berlaku penjajahan Eropah, Nusantara diperintah oleh Kesultanan Melayu dengan bersendikan adat Melayu dan agama Islam. Dalam tempoh tersebut terdapat Kesultanan Melayu yang kuat di daerah Nusantara, iaitu Kesultanan Melayu Melaka, Kesultanan Melayu Brunei, Kesultanan Melayu Aceh, Kesultanan Melayu Patani dan Kesultanan Melayu Sulu. Bagaimanapun, kuasa kesultanan ini telah berjaya dihapus atau dilemahkan oleh para penjajah barat yang bertalu-talu datang ke sebelah sini. Dengan demikian “Melayu Raya” atau “Nusantara” yang merupakan suatu gagasan besar bangsa Melayu di gugusan pulau-pulau Melayu sebelum itu telah berjaya dipecah-pecahkan oleh para penjajah berkenaan menjadi negara-negara kecil yang kebanyakannya mengalami kehilangan daerah masing-masing.

Zaman penjajahan Eropah bermula apabila Portugis menawan Melaka pada tahun 1511. Ia merupakan kuasa penjajah Eropah pertama yang berjaya mengukuhkan kedudukannya di Nusantara. Pengaruh penaklukan tersebut kemudiannya menjalar ke Indonesia apabila Portugis menakluk pelabuhan Maluku di Ambon pada tahun 1512. Pada tahun 1521, Ferdinand Magellan tiba di Cebu, Filipina dan menjadikan pulau itu sebagai sebahagian daripada empayar Sepanyol. Pada tahun 1565, keseluruhan Filipina jatuh ke tangan Sepanyol dan dinamakan Hindia Timur Sepanyol. Pada tahun 1605, Ambon ditawan oleh Belanda daripada tangan Portugis.

Inggeris pula mula menapak di Nusantara apabila Sir Francis Light membuat perjanjian lisan dengan Sultan Kedah untuk mendapatkan Pulau Pinang pada tahun 1786. Sebelum itu pada tahun 1641, Melaka jatuh ke tangan Belanda sebagai hasil daripada

campur tangan kuasa penjajah itu dalam peperangan segi tiga antara Kerajaan Johor, Aceh dan Portugis. Bermula dari saat itu berlaku persaingan antara Belanda dan Inggeris dalam meluaskan pengaruh masing-masing di Nusantara. Pada peringkat inilah Inggeris berkuasa di Singapura melalui satu perjanjian politik dengan Kesultanan Johor. Bagaimanapun persaingan tersebut kemudiannya terhenti apabila Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 dimeterai berasaskan kepada semangat pembahagian wilayah antara kedua-dua kuasa penjajahan tersebut. Berasaskan perjanjian tersebut, Melaka diserahkan kepada Inggeris berasaskan semangat persempadanan antara Tanah Melayu yang akan menjadi pusat tumpuan Inggeris manakala Indonesia yang akan menjadi pusat tumpuan Belanda. Perjanjian ini dan juga penjajahan Sepanyol merupakan titik penting dalam sejarah bila mana Nusantara mula berpecah-belah, daripada sebuah rantau yang bersatu kepada beberapa negeri mengikut penjajah masing-masing.

Brunei yang dahulunya pernah menjadi sebuah empayar yang menguasai perairan kepulauan Borneo sehingga Sulu dan Mindanao telah mengalami zaman jatuh kerana digugat dari masa ke masa oleh para penjajah Eropah yang berebut kuasa di Borneo. Bermula dari tahun 1841, Kesultanan Brunei terpaksa menyerahkan sedikit demi sedikit wilayah Sarawak kepada James Brooke. Malah kemudiannya pada tahun 1888 terpaksa menerima perlindungan Inggeris sebagai sebahagian daripada British Borneo bersama Borneo Utara dan Sarawak. Sebagai kemuncak negara tersebut telah menerima residen British pada tahun 1906.

Perkembangan seterusnya ialah berlaku perjanjian antara British dan Siam pada tahun 1909 yang menggariskan sempadan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Thailand. Berasaskan kepada perjanjian tersebut, sebagai imbalan kepada kerjasama ekonomi antara Thailand dan Inggeris. Negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu Kelantan, Kedah dan Perlis yang sebelum itu berada di bawah takluk Siam diserahkan kembali kepada penjajah Inggeris dengan saiz negara yang sangat kecil.

Selain itu, para penjajah mempanyai kepentingan mereka sendiri untuk mengaut kekayaan dari daerah ini yang telah



mengimport buruh-buruh daripada negara Cina dan India, terutama ke Semenanjung Tanah Melayu, yang kemudiannya dikenali juga sebagai Malaya dan Borneo, iaitu yang lebih dikenali sebagai Sarawak dan Sabah sekarang. Kemasukan secara besar-besaran ini kemudiannya telah mempengaruhi geo dan ekosistem politik di tanah air ini sejak sebelum merdeka sampailah kepada masa sekarang. Malah dalam konteks buku ini, juga menjadi satu faktor yang juga mempengaruhi apa yang disebut sebagai tajuk buku ini, iaitu *Bintang Malap di Bulan Gerhana*.

Bagaimanapun, ia tidak berakhir di situ. Kerana daerah Nusantara ini kemudiannya telah dicerobohi oleh Jepun dalam perang dunia kedua dan berjaya mendudukinya bermula pada tahun 1941 sehingga mengaku kalah dalam perang tersebut pada tahun 1945, iaitu pada tahun saya dilahirkan.

### **Sorotan di Malaysia Secara Khusus**

Menyorot kembali sejarah penjajahan di Malaysia secara khusus, elok juga dicatat bahawa sebelum kedatangan Eropah sebagai penjajah, Siam merupakan negara terawal melakukan pelbagai cubaan untuk menjajah negara ini melalui penaklukan. Pada abad ke-15, sekurang-kurangnya sebanyak dua kali negara itu menyerang negara ini. Pada pertengahan abad ke-15, Siam menyerang Melaka. Kemudian pada tahun 1500, Siam menyerang Pahang pula. Walau bagaimanapun kedua-dua serangan tersebut gagal mencapai objektifnya kerana mendapat tentangan kuat daripada orang Melayu di negara ini.

Selain itu, turut dicatatkan oleh para penulis sejarah bahawa negara ini telah dijajah oleh Eropah bermula dari tahun 1511 lagi apabila Portugis berjaya mengalahkan Melaka pada tahun itu dan kemudiannya para penjajah Eropah berkenaan bersilih ganti antara satu sama lain sehinggalah tahun 1957 apabila semenanjung Tanah Melayu menerima kemerdekaan daripada British. Namun, tidak bererti semua negeri dan daerah di negara ini dijajah dalam erti yang sebenarnya oleh mereka. Misalnya Portugis hanya berjaya menawan bandar Melaka sahaja tetapi gagal menguasai daerah-

daerah sekelilingnya seperti Naning, Rembau dan sebagainya apabila percubaan mereka untuk menguasai daerah-daerah tersebut gagal kerana ditentang kuat oleh orang Melayu tempatan. Begitu juga apabila mereka cuba menguasai Muar, terutama Pagoh dan daerah-daerah persisiran Sungai Johor.

Ini bererti meskipun Portugis dianggap oleh sejarah sebagai penjajah Tanah Melayu pada masa itu tetapi mereka hanya menjajah Bandar Melaka sahaja. Adapun negeri-negeri lain seperti Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Terengganu dan Perak tetap terus diperintah oleh raja masing-masing. Hanya Kedah, Perlis dan Kelantan sahaja yang dijajah oleh Siam bermula pada tahun 1821 sehinggalah tahun 1909. Namun begitu, penjajah Siam sentiasa berhadapan dengan penentangan yang terus-menerus daripada masyarakat Melayu di negeri-negeri berkenaan.

Belanda juga selama tempoh penjajahan mereka antara tahun 1784-1785 hanya mampu memerintah Melaka dan daerah sekitarnya sahaja seperti Naning, begitu juga Kuala Selangor. Sedangkan negeri-negeri lain tidak pernah ditakluki oleh mereka. Segala apa yang mereka dapat lakukan hanyalah berniaga terutama membeli bijih timah. Sementara penjajah Inggeris pula hanya berkuasa di Pulau Pinang dan Singapura apabila berjaya memperdayakan Sultan Kedah dalam kes Pulau Pinang dan Sultan Hussain Shah serta Temenggung Abdul Rahman dari Kesultanan Johor dalam kes Singapura, dengan menggunakan asas perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824.

Sementara negeri-negeri Melayu yang lain tidak pernah tertakluk di bawah kuasa penjajahan Inggeris dalam erti kata yang sebenarnya. Apa yang telah berlaku ialah penjajah Inggeris telah meletakkan negeri-negeri tersebut di bawah perlindungan mereka dengan kehendak dan persetujuan Raja-raja Melayu sendiri. Dalam pada itu pun pada peringkat awalnya ditentang kuat oleh penduduk tempatan, sepertimana yang berlaku di Perak, Selangor dan Pahang.

Dalam keadaan seperti itulah politik penjajahan Eropah, terutama Inggeris di negara ini berada sehinggalah penaklukan Jepun yang bermula pada 8 Disember 1941 di Kota Bharu Kelantan



dan sempurna pada 15 Februari 1942 di Singapura. Bermula dari masa itu negara ini telah diperintah oleh Jepun dengan secara menyeluruh sehinggalah penjajah Asia itu terpaksa menyerah kalah kepada pihak Eropah pada 15 Ogos 1945, iaitu sepuluh hari sebelum saya dilahirkan di Kampung Kayu Rendang, Melor, Kota Bharu, Kelantan.

Sebagai satu catatan sejarah, elok juga diambil maklum bahawa penguasaan Jepun ke atas negara ini merupakan realisasi kepada satu perancangan besar penjajah Asia tersebut untuk membentuk pemerintahan baru Asia Timur Raya yang berasaskan kepada prinsip bahawa rantau ini merupakan satu blok atau gagasan “Kemakmuran Bersama”. Untuk itu Jepun telah menggunakan berbagai slogan bagi menarik sokongan negara-negara di Asia Tenggara berasaskan penerimaan bahawa mereka bukanlah penjajah seperti orang-orang Eropah, tetapi sebaliknya penyelamat negara-negara Asia daripada penjajahan barat. Untuk catatan juga, sebelum itu Jepun telah menguasai China melalui perang Jepun-China kedua tahun 1937.

Antara kesan besar dari segi politik dan pemerintahan di Tanah Melayu hasil daripada perubahan yang dilakukan oleh penjajahan Jepun dalam tempoh awal kekuasaan mereka ke atas negara ini ialah melucutkan kedudukan dan kuasa para sultan sebagai raja yang memerintah. Dengan perlucutan itu, sultan tidak lagi berkedudukan sebagai pemerintah negeri masing-masing. Malah sebaliknya sekadar menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja. Walau bagaimanapun, kemudiannya keputusan tersebut telah dibaiki semula pada tahun 1942. Berasaskan dasar pembaharuan semula itu, Jepun telah bersetuju mengiktiraf kembali kedudukan para sultan. Berikutnya satu persidangan para sultan dari Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera telah diadakan di Singapura dan dalam persidangan tersebut pemerintah Jepun telah mengumumkan dasar barunya itu.

Selain daripada itu, Jepun juga telah menggabungkan Malaya dengan Sumatera di bawah nama “Melayu Baru” yang diketuai oleh pengarah agung yang berpusat di Singapura. Sebaliknya pula, bagi menghargai jasa Thailand yang memberi kerjasama kepada mereka dalam usaha menguasai Tanah Melayu, Jepun telah bersetuju

menyerahkan negeri-negeri di Utara Tanah Melayu, iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis kepada Negara Gajah Putih itu. Bagi tujuan tersebut satu persetujuan telah ditandatangani di Bangkok, Thailand pada 20 Ogos 1943.


Dalam perkembangan yang lain, adalah dipercayai oleh kebanyakan penulis sejarah Tanah Melayu, dalam tempoh pemerintahan mereka, Jepun telah mengambil sikap bermusuhan dengan orang Cina di negara ini. Mengikut para penulis berkenaan, tindakan tersebut lebih bersifat sebagai tindakan balas dendam terhadap orang Cina yang menjadi musuh tradisi mereka sejak perang Jepun-China lagi. Hasil daripada dasar tersebut, adalah dipercayai sehingga tahun 1940 kira-kira seramai 40,000 orang Cina di negara ini telah dibunuh. Oleh kerana tindakan tersebut dilakukan oleh pemerintahan Jepun dengan kerjasama para pegawai dan anggota polis Melayu yang dilantik oleh mereka. Maka, orang Cina di negara ini telah menyimpan rasa dendam dan kesumat terhadap orang Melayu.

Namun mengikut cerita yang saya dengar daripada ramai mereka yang sempat berada di zaman itu, termasuk ibu dan nenek saya, orang Melayu juga tidak terlepas daripada tindakan kejam seperti itu. Ramai orang Melayu yang dianggap sebagai anti-Jepun telah disiksa dengan cara yang amat zalim sekali seperti dipaksa minum air sabun sehingga penuh perut kemudian perutnya dipijak oleh pasukan penyeksa. Akibatnya ramai orang Melayu mati akibat daripada penyeksaan seperti itu. Malah ada juga daripada mereka yang terus hilang.

Selain daripada itu, cerita tentang kematian berpuluh ribu pemuda Melayu yang digunakan oleh Jepun sebagai buruh paksa dalam projek landasan keretapi maut ke Burma sangat masyhur di kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Dalam keluarga kami pun ada yang terlibat menjadi mangsa kekejaman tersebut. Menurut nenek saya, bapa saudara saya yang bernama Arifin Daud telah dibawa oleh Jepun bagi tujuan berkenaan dan terus hilang tanpa berita.

Mengikut kepercayaan para penulis lagi, akibat daripada dendam kesumat masyarakat Cina terhadap orang Melayu yang



A close-up, profile view of an elderly man with a white beard and glasses, looking thoughtfully to the right. He is wearing a light-colored collared shirt under a grey jacket. The background is a blurred bookshelf.

Jika jilid-jilid terdahulu dahulu memperlihatkan sisi Mahmood Zuhdi sebagai seorang 'budak surau' sehingga pelajar universiti yang gigih menuntut ilmu termasuk di luar negeri, *Bintang Malap Di Bulan Gerhana* pula memperlihatkan kesedaran dan pengamatan beliau terhadap sejarah politik tanah air terutama politik Islam.

Mahmood Zuhdi mengimbuai kembali fasa-fasa awal kemerdekaan semasa beliau membesar, persaingan politik yang tajam antara PAS dan UMNO di Kelantan, sejarah hitam 13 Mei, pembentukan kerajaan campuran PAS-Perikatan dan penubuhan Barisan Nasional serta bagaimana akhirnya PAS tersingkir daripada Barisan Nasional.

Bahkan beliau sebenarnya bukan sekadar melihat dari jauh, tetapi turut 'bermain' dan 'bersilat' dalam gelanggang politik yang menjadi minat bahkan darah daging beliau sejak kecil lagi.

Mengikut perancangan, siri autobiografi *Mencari Identiti* sepatutnya mempunyai 7 jilid. Buku yang ada di tangan anda sekarang adalah jilid ke-5 yang sempat penulis siapkan sebelum beliau meninggal dunia pada 17 Jun 2023.

**ilhambooks**

[www.ilhambooks.com](http://www.ilhambooks.com)

